

Bil. S 40

PERINTAH TAKAFUL, 2008

(S 9/2009)

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (PINDAAN), 2015

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan peraturan 4 dari S 101/2008.
 3. Pindaan peraturan 5.
 4. Pindaan peraturan 6.
 5. Pemansuhan Bahagian IV.
-

PERINTAH TAKAFUL, 2008

(S 9/2009)

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 91(1) dari Perintah Takaful, 2008, maka Autoriti Monetari Brunei Darussalam, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Takaful (Pindaan), 2015.

Pindaan peraturan 4 dari S 101/2008.

2. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan Takaful, 2008, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda, dalam tajuk kecil, dengan memasukkan “registration” sejurus selepas “agent’s”.

Pindaan peraturan 5.

3. Peraturan 5 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam tajuk kecil, dengan memasukkan “registration” sejurus selepas “broker’s”.

Pindaan peraturan 6.

4. Peraturan 6 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam tajuk kecil, dengan memasukkan “registration” sejurus selepas “Adjuster’s”.

Pemansuhan Bahagian IV.

5. Bahagian IV dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Bertarikh pada hari ini 5 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 22 haribulan Jun, 2015.

AWANG YUSOF BIN HAJI ABDUL RAHMAN

Pengarah Urusan,
Autoriti Monetari Brunei Darussalam.